

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NEGERI N.SEMBILAN / MELAKA)

TARIKH: 5 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 34

Jaga kebersihan sungai, kata Ketua Menteri

MELAKA - Menjaga kebersihan sungai adalah tanggungjawab semua kerana sungai yang tercemar boleh memberi kesan negatif kepada kehidupan.

Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari berkata, sungai merupakan sumber kehidupan, justeru sungai yang tercemar menyebabkan pelbagai kesan kepada kehidupan seperti sumber air bersih semakin

berkurangan yang mana ini merampas nikmat keindahan sungai daripada generasi akan datang.

"Penduduk setempat melalui rukun tetangga perlu mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan sungai.

"Malah, sepanjang sungai boleh dibina laluan pejalan kaki dan taman yang dihiasi oleh jajaran pokok bunga," katanya menurusi kenyataan dalam laman Facebook di sini kelmarin. -Bernama